

# SIARAN MEDIA

## SME CORP. MALAYSIA LAKSANA DUA PROGRAM BAHRU UNTUK TINGKAT KAPASITI PKS

**Kuala Lumpur, 16 Mac 2020** – SME Corp. Malaysia, agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melaksanakan dua program baharu bagi meningkatkan kapasiti perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Program yang dinamakan sebagai Program *Business Scale-Up (Biz-Up)* dan Program *Global SME Masterclass 2020 (GSM 2020)* adalah selaras dengan usaha Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030) untuk meningkatkan sumbangan PKS kepada ekonomi negara.

Program *Business Scale-Up (Biz-Up)* merupakan program bantuan bersepadu yang bertujuan untuk meningkatkan keupayaan PKS melalui khidmat nasihat perniagaan dan sokongan kewangan. Program ini merangkumi pelbagai aktiviti pembinaan kapasiti untuk membantu PKS meningkatkan pertumbuhan dan mengembangkan perniagaan mereka. Melalui program ini, sokongan perniagaan ditawarkan dalam bentuk geran bersamaan atau pinjaman mudah kepada PKS yang menerapkan elemen Industri 4.0, Automasi dan Pendigitalan terutama bagi PKS dalam sektor Logistik Bersepadu, Peruncitan, Pemberongan, Teknologi Hijau, *Smart City*, Gaharu dan Burung Walit. Permohonan program *Biz-Up* dibuka mulai 15 Mac 2020 - 30 April 2020.

Selain daripada program *Biz-Up*, SME Corp. Malaysia juga melaksanakan program latihan intensif bernama *Global SME Masterclass 2020 (GSM 2020)* yang bertujuan untuk memantapkan keupayaan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan pemilik perniagaan PKS. Program ini memberi tumpuan untuk menerapkan elemen-elemen IR4.0 dan Pendigitalan PKS serta amalan perniagaan terkini termasuk melalui pendekatan *semi consulting* dan *semi coaching*. Program pengajian jangka pendek ini

akan mengambil masa selama 1 semester (3 bulan) dan menyediakan modul latihan khas yang merangkumi kajian kes, tugasan dan perkongsian pengalaman daripada usahawan yang berjaya.

Pada tahun ini, GSM 2020 akan melibatkan lapan (8) Universiti Awam (IPTA) iaitu UKM, USM, UTM, UUM, UMK, UMS, UniMAS, UIA dan empat (4) Universiti Swasta (IPTS) iaitu HELP University, MSU, MMU dan OUM. Program kali ini mensasarkan penyertaan 240 hingga 300 CEO PKS dari seluruh Malaysia untuk dilatih. Untuk menyertai program ini, syarikat perlulah memenuhi dua syarat asas iaitu berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan berstatus PKS.

Baru-baru ini SME Corp. Malaysia juga telah memperkenalkan Sistem Pendaftaran Status PKS. Sistem pendaftaran ini digunakan untuk mengesahkan status PKS bagi semua syarikat atau perniagaan yang memenuhi definisi PKS. Status PKS adalah diperlukan bagi syarikat atau perniagaan yang ingin mendapatkan bantuan dan insentif bersasar khas untuk PKS. Pendaftaran Status PKS ini boleh dilakukan secara atas talian di [www.smereg.smecorp.gov.my](http://www.smereg.smecorp.gov.my).

- TAMAT -

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Cik Nabilah Nazri, Encik Mohd Zumar Zainuddin dan Encik Mohd Faizal Razali di talian 03-2775 6058 / 6059 dan 6263 atau emel – [nabilah@smecorp.gov.my](mailto:nabilah@smecorp.gov.my) / [zumar@smecorp.gov.my](mailto:zumar@smecorp.gov.my) dan [faizalrazali@smecorp.gov.my](mailto:faizalrazali@smecorp.gov.my)

## **PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)**

SME Corp. Malaysia  
Level 6, SME 1, Block B  
Platinum Sentral  
Jalan Stesen Sentral 2  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Tel : 1300-30-6000  
Fax : 603-2775 6001  
E-mail : [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)  
Website : [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my)

## **SME Corp. Malaysia**

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) yang menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Mesyuarat Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.